

KAJIAN TERHADAP KEENGGANAN PARA PENDUDUK TEMPATAN
DAERAH TAWAU UNTUK BEKERJA DI LADANG SAWIT

ALANGSERI AYUBAYU KAMAROZAMAN

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA MUDA SAINS
PERTANIAN DENGAN KEPUJIAN

PROGRAM PENGETAHUAN DAN KEMahiran
SEKOLAH PERTANIAN LESTARI
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2010



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL: KAJIAN TERHADAP KEENGGANAAN PARA PENDUDUK TEMPATAN DAERAH TAWAU UNTUK BEKERJA DI LADANG SAWIT

IJAZAH: SARJANA MUDA SAINS PERTANIAN DENGAN KEPUJIAN (PENGELUARAN TANAMAN)

SAYA: ALANG SERI AYUBAYU KAMAROZAMAN SESI PENGAJIAN: 2010
(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis * (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana Penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

JAMIUN NUCHEAT
LIBRARIAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Disahkan Oleh:

[Signature]
(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap: JB 4241, TAMAN SERI HILIR ON LOR BATANG MELAKA, 71500 JASIN, MELAKA

Tarikh: 21/4/2010

(TANDATANGAN PENYELIA)
MOHAMAD AMIZI BIN AYOB
Penyayar Kanan / Penentah Akademik
Sekolah Pertanian Lestari
Universiti Malaysia Sabah
(NAMA PENYELIA dan cop)

Tarikh: 21/4/2010

- Catatan: -
- * Potong yang tidak berkenaan.
 - ** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak yang berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.
 - Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara penyelidikan atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM)



PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah dijelaskan sumbernya.



ALANGSERI AYUBAYU KAMAROZAMAN

HP2006-2244

20 MAC 2010



DIPERAKUKAN OLEH


Tandatangan

1. En. MOHAMMAD AMIZI AYOB
PENYELIA




MOHAMAD AMIZI BIN AYOB
Penyarah Kanan / Penasihat Akademik
Sekolah Pertanian Lestari
Universiti Malaysia Sabah

2. En. ASSIS KAMU
PEMERIKSA 1



ASSIS KAMU
Lecture / Academic Advisor
School Of Sustainable Agriculture
Universiti Malaysia Sabah

3. Dr. ABDUL RAHIM AWANG
PEMERIKSA 2



DR ABDUL RAHIM BIN AWANG
Penyarah / Penasihat Akademik
Sekolah Pertanian Lestari
Universiti Malaysia Sabah

4. PROF. Dr. RIDZWAN ABDUL RAHMAN
DEKAN



PROF. DR. RIDZWAN ABDUL RAHM
Dekan
Sekolah Pertanian Lestari
Universiti Malaysia Sabah

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t

Alhamdulillah, syukur saya kehadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnianya, saya dapat menyiapkan kajian ini. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada En. Mohammad Amizi Bin Ayob selaku penyelia saya yang telah memberikan tunjuk ajar serta bimbingan yang membolehkan saya menyempurnakan kajian ini.

Ribuan terima kasih juga kepada para pensyarah Sekolah Pertanian Lestari yang lain yang turut mengemukakan idea dan komen sepanjang kajian ini dijalankan. Tidak lupa juga kepada keluarga dan rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberikan pendapat dan dorongan yang berterusan. Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyiapkan kajian ini.

Akhir sekali, saya ingin memohon maaf atas segala kesilapan yang telah saya lakukan sepanjang proses menyempurnakan penulisan disertasi ini. Sekian, terima kasih. Wassalam.

AlangSeri AyuBayu Kamarozaman.

H2006-2244



ABSTRAK

Kajian ini dilakukan untuk menganalisis faktor-faktor penyebab penduduk tempatan tidak mahu bekerja sebagai pekerja ladang sawit dan mencari jalan untuk menarik minat mereka. Seramai 200 penduduk tempatan di daerah Tawau dipilih sebagai responden dalam kajian ini. Analisis dijalankan dengan menggunakan perisian komputer, *Statistical Package for Social Science (SPSS) 12.0* dan *Microsoft Excel 2007*. Analisis statistik perihalan (*descriptive analysis*) dan operasi arahan IF (*IF Statement*) digunakan bagi mentafsir data mentah yang diperolehi melalui borang soal selidik. Kajian mendapati faktor utama penyebab penduduk tempatan tidak berminat untuk bekerja sebagai pekerja ladang adalah akibat cara pembayaran gaji pekerja, kemudahan yang disediakan serta faktor keselamatan. Naiktaraf kepada kualiti kemudahan dan faedah yang ditawarkan, kaedah pembayaran gaji secara tetap serta pemberian rumah sebagai faedah persaraan kepada pekerja dapat menarik penduduk tempatan untuk bekerja sebagai pekerja ladang.



Research on Attraction for Local Community to Work in Oil Palm Plantation, Tawau.

ABSTRACT

This research was undertaken to analyze factors why the local communities have no interest to work in oil palm plantation and also to determine alternative ways to attract them to be workers in oil palm plantation, Tawau. Questionnaire form was adopted as the research instrument and distributed to 200 respondents representing local communities in Tawau. The data were analyzed by using the computer software, *Statistical Package for Social Science (SPSS) 12.0* and *Microsoft Excel 2007*. The descriptive analysis and the IF statement operation were used to analyze the data obtained from the questionnaire form. The results showed factors that why the local communities have no interest to work in the plantation sector were related to the salary, infrastructure and safety. Improvement of infrastructure, introduction of fixed monthly payment and an accommodation reward for retired oil palm workers can attract the local community in Tawau to work in oil palm plantation.



SENARAI KANDUNGAN

Muka surat

PENGAKUAN	ii
DIPERAKUI OLEH	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN ISTILAH	xv

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Permasalahan Kajian	3
1.3	Objektif Kajian	4
1.4	Kepentingan Kajian	4

BAB 2 ULASAN PERPUSTAKAAN

2.1	Pendahuluan	6
2.2	Sejarah Tawau, Sabah	6

2.3	Kependudukan di Tawau	7
2.4	Sejarah Kedatangan Migran ke Sabah	8
2.5	Migrasi Penduduk Luar Negeri ke Sabah Kini	9
2.6	Kepentingan Pekerja Asing di Sektor Perladangan	11
2.7	Risiko Menggaji Pekerja Asing di Sektor Perladangan	12
2.8	Kemudahan dan Faedah Bagi Pekerja Ladang Tempatan	14
2.9	Faktor Penduduk Tempatan Tidak Bekerja di Sektor Perladangan	15
2.10	Kajian-kajian Lepas	20
	2.10.1 Upah Tinggi Tarik Minat Pekerja	
	2.10.2 Pupuk Minat Individu Melalui Pendidikan	

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pendahuluan	22
3.2	Persampelan Kajian	22
3.3	Bahan Kajian	23
	3.3.1 Borang Soal Selidik	
	3.3.2 Kaedah Pemerhatian	
3.4	Lokasi Kajian	24
	3.4.1 Ladang Sawit FELDA Plantation, Tawau	
	3.4.2 Kawasan Perkampung di Daerah Tawau	
3.5	Kajian Rintis	25
3.6	Prosedur Kajian	26
3.7	Analisis Kajian	28



3.7.1 Analisis Statistik Perihalan

3.7.2 Penggunaan Operasi Arahan IF

BAB 4 KEPUTUSAN

4.1	Pendahuluan	29
4.2	Analisis Demografi	29
4.3	Analisis Pekerjaan Dalam Perladangan Sawit	30
4.4	Analisis Faktor Penarik Bekerja di Perladangan Sawit	38
4.5	Analisis Kehadiran Pekerja Asing	46
4.6	Hasil Dapatkan Melalui Pemerhatian	50

BAB 5 PERBINCANGAN

5.1	Pendahuluan	52
5.2	Perbincangan	52
5.3	Limitasi Kajian	58

BAB 6 KESIMPULAN DAN CADANGAN

6.1	Pendahuluan	59
6.2	Kesimpulan	59
6.3	Cadangan	60
Rujukan		61
Lampiran		65

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
2.1 Populasi Penduduk Berdasarkan Umur dan Jantina di Sabah,2009.	7
2.2 Status Migrasi Negara-negara Asian.	10
2.3 Jumlah Kekurangan Buruh Berdasarkan Pekerjaan yang dilaporkan oleh MPOA 2001-2003.	16
2.4 Jumlah Pekerjaan,Tenaga buruh dan Kadar Pengangguran 1970-2015 (juta)	17
2.5 Perbezaan Bayaran Antara Pekerja Sektor Awam dan Swasta juga Pekerja Ladang.	18
2.6 Kadar Pengangguran dan Pengangguran Belia di Malaysia,2001-2006	19
3.1 Skala Pengkelasan Skala Likert	23
4.1 Faktor Demografi Responden	29
4.2 Pilihan Jawapan Responden Bagi Soalan Berkaitan Pekerjaan Sebagai Pekerja Perladangan Sawit	30
4.3 Pekerjaan yang Menjadi Pilihan Utama Penduduk Tempatan	34
4.4 Faktor Bekerja Sebagai Pekerja Ladang Sawit Adalah Menarik	36
4.5 Pilihan Jawapan Reponden Bagi Soalan Berkaitan Faktor Penarik Untuk Bekerja di Perladangan Sawit	38
4.6 Individu yang Mempengaruhi Untuk Tidak Bekerja di Sektor Perladangan Sawit	40

4.7	Faedah Yang Diingini Selepas Bersara	44
4.8	Pilihan Jawapan Responden Bagi Soalan yang Berkaitan Dengan Kehadiran Warga Asing di Tawau, Sabah	46



SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
3.1 Aliran Prosedur Kajian	27
4.1 Karier Sebagai Pekerja Ladang Sawit adalah Menarik	31
4.2 Pendapatan Pekerja Ladang Mencukupi Bagi Menampung Perbelanjaan Harian	32
4.3 Insentif yang Diberikan Syarikat Kepada Pekerja adalah Menarik	32
4.4 Kemudahan dan Faedah yang Diberikan Syarikat Kepada Pekerja adalah Menarik	33
4.5 Pembayaran Gaji Secara Harian Menguntungkan Pekerja	33
4.6 Generasi Muda Suka Bekerja di Sektor Perladangan Sawit	34
4.7 Pekerjaan yang Menjadi Pilihan Utama Penduduk Tempatan	35
4.8 Faktor yang Sangat Mempengaruhi Bagi Menyatakan Bekerja Sebagai Pekerja Ladang Sawit adalah Menarik	37
4.9 Faktor yang Sangat Tidak Mempengaruhi Bagi Menyatakan Bekerja Sebagai Pekerja Ladang Sawit adalah Menarik	37
4.10 Faktor Penyebab Penduduk Tempatan tidak Berminat untuk Bekerja di Sektor Perladangan Sawit	38
4.11 Pembayaran Gaji Secara Bulanan Dapat Menarik Minat Untuk Bekerja di Ladang Sawit	39
4.12 Peningkatan Insentif dan Keperluan Asas Dapat Menarik Minat	40



	Untuk Bekerja di Ladang Sawit	
4.13	Pilihan Jawapan Sangat Mempengaruhi Bagi Individu yang Mempengaruhi Untuk Tidak Bekerja di Sektor Sawit	41
4.14	Pilihan Jawapan Paling Tidak Mempengaruhi Bagi Individu yang Mempengaruhi Untuk Tidak Bekerja di Sektor Sawit	41
4.15	Faktor yang Sangat Mempengaruhi Bagi Insentif yang Dapat Menarik Minat Untuk Bekerja di Ladang Sawit	42
4.16	Faktor yang Sangat Tidak Mempengaruhi bagi Insentif yang Dapat Menarik Minat Untuk Bekerja di Ladang Sawit	42
4.17	Faktor yang Sangat Mempengaruhi Bagi Kemudahan dan Faedah yang Dapat Menarik Minat Bekerja di Ladang Sawit	43
4.18	Faktor yang Sangat Tidak Mempengaruhi Bagi Kemudahan dan Faedah yang Dapat Menarik Minat Bekerja di Ladang Sawit	43
4.19	Faktor yang Sangat Mempengaruhi Bagi Faedah yang Diingini Selepas Bersara	44
4.20	Faktor yang Sangat Tidak Mempengaruhi Bagi Faedah yang Diingini Selepas Bersara	45
4.21	Lebih Ramai Pekerja Asing Bekerja di Ladang Sawit	47
4.22	Kehadiran Pekerja Asing Tidak Membawa Masalah Kepada Penduduk Tempatan	47
4.23	Pengambilan Pekerja Asing di Ladang Sawit di Malaysia Perlu Dihentikan	48
4.24	Faktor yang Sangat Mempengaruhi Bagi Masalah yang Dihadapi Penduduk Tempatan Akibat Kedatangan Ramai Pekerja Asing	48

4.25	Faktor yang Sangat Tidak Mempengaruhi Bagi Masalah yang Dihadapi Penduduk Tempatan Akibat Kedatangan Ramai Pekerja Asing	49
4.26	Kawasan Perniagaan di FELDA Gugusan Umas	50
4.27	Gelanggang Bola Tampar di Kawasan Petempatan Pekerja	50
4.28	Petempatan Pekerja di FELDA Umas 06	51
4.29	Pam Air Bagi Petempatan Pekerja FELDA Sahabat 54	51
4.30	Penjana Kuasa Elektirk Bagi Petempatan Pekerja FELDA Sahabat 54	51

SENARAI SINGKATAN ISTILAH

DUN	Dewan Undangan Negeri
FELDA	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
MAPA	<i>Malayan Agricultural Producers Association</i>
MPOA	<i>Malaysia Palm Oil Association</i>
MPOB	<i>Malaysia Palm Oil Board</i>
PGK	Pendapatan Garis Kemiskinan

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Industri sawit merupakan penyumbang utama dalam eksport hasil pertanian Malaysia. Sehingga tahun 2008, jumlah kawasan yang ditanam sawit di Malaysia adalah 4,487,957 hektar (MPOB, 2009). Menurut Datuk Peter Chin Fah Kui pada tahun 2008, eksport komoditi sawit adalah RM64.8 billion dengan peningkatan sebanyak 44.9 peratus berbanding nilai yang direkodkan pada tahun 2007 iaitu sebanyak RM44.7 billion (Berita Harian, 2009). Sumbangan sektor pertanian kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2008 adalah hampir 7.5 peratus yang sebahagian besarnya didorong hasil minyak sawit. Industri sawit menyumbang hampir 30.9 peratus kepada prestasi keseluruhan sektor pertanian. Minyak sawit telah dieksport ke 145 buah negara di seluruh dunia dan sekali gus meletakkan ia sebagai penjana ekonomi negara dalam sektor pertanian (MPOB, 2009). Peningkatan komoditi ini dijangka berterusan berdasarkan kelebihan dan keupayaannya menjana pendapatan kepada penanaman sawit di Malaysia.

Faktor ini didorong oleh kerancakan pengeluaran buah sawit secara kontan oleh ladang sawit swasta, skim tanah kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri dan dibantu oleh pekebun kecil persendirian. Di bawah skim kerajaan persekutuan, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) merupakan salah satu projek pembangunan luar bandar yang melibatkan pembukaan tanah baru untuk pertanian khususnya perladangan sawit dan getah juga petempatan sekaligus untuk meningkatkan taraf sosio ekonomi masyarakat luar bandar. FELDA telah ditubuhkan pada 1 Jun 1956 di bawah Akta Kemajuan Tanah 1956 hasil daripada syor Jawatankuasa Kerja Kerajaan. Anak syarikat FELDA, FELDA Plantation Sdn. Bhd. ditubuhkan pada tahun 1992 dengan misi memberi perkhidmatan pengurusan perladangan. Sehingga kini, FELDA Plantation Sdn Bhd

menguruskan 348,957 hektar tanah FELDA yang mana 95.5 peratus daripadanya adalah kawasan ladang sawit (FELDA, 2009).

Sektor perusahaan perladangan sawit Malaysia sangat memerlukan penggunaan tenaga kerja yang tinggi kerana penggunaan teknologi mekanisasi yang belum menyeluruh. Keperluan pekerja untuk ladang FELDA Plantation Sdn Bhd di Sabah bagi tahun 2008 adalah 10,524 orang untuk keluasan ladang 106,919 hektar. Namun, syarikat hanya mempunyai 7,688 orang pekerja dimana 6,975 orang adalah pekerja asing dan 713 orang pekerja tempatan (FELDA, 2008).

Hanya pekerja dari Indonesia dan Filipina yang dibenarkan diambil bekerja sebagai buruh dan pembantu rumah di Sabah. Penggajian mereka adalah terhad kepada majikan-majikan yang menjalankan operasi perniagaan di dalam sektor-sektor perusahaan atau perkhidmatan tertentu seperti sektor perladangan, sektor perkilangan dan pembuatan yang berorientasikan eksport, sektor perusahaan khas seperti penternakan, pembalakan, perlombongan, pembinaan dan juga sektor pembantu rumah (Ordinan Buruh Sabah bab 67). Dianggarkan 2 juta warga asing termasuk 300,000 pekerja yang bekerja di sektor perusahaan perladangan dan komoditi terutama di ladang sawit Malaysia pada masa ini. Jumlah ini adalah 12 peratus daripada 11 juta tenaga kerja yang berdaftar di seluruh negara (Berita Harian, 2009).

Namun, pada masa kini peratusan pengambilan pekerja asing menyusut berikutan beberapa faktor. Kerajaan ingin mengurangkan penggantungan kepada tenaga kerja asing di sektor perladangan. Migran dari Indonesia juga berkurang ekoran pembukaan besar-besaran ladang sawit di Indonesia. Pengurangan pengambilan tenaga buruh asing mengurangkan migrasi di kawasan tempatan seterusnya memelihara kegiatan sosio ekonomi penduduk tempatan.

Kegiatan sosio ekonomi adalah kegiatan yang melibatkan masyarakat dalam bidang ekonomi meliputi faktor-faktor ekonomi dan kemasyarakatan. Tujuan utama kegiatan sosio ekonomi dijalankan adalah untuk memenuhi keperluan semasa masyarakat juga sebagai sumber pendapatan. Pada dasarnya, kehadiran pekerja asing

yang bekerja di ladang sawit mempengaruhi keadaan dan kegiatan sosio ekonomi penduduk setempat. Apabila warga asing bermigrasi ke sesuatu tempat, mereka membawa bersama gaya hidup semasa di tempat asal. Antara masalah sosio ekonomi yang dihadapi kesan dari migran warga asing adalah percanggahan budaya dan kepercayaan menyebabkan berlakunya perselisihan pendapat. Perkara-perkara seperti ini akan membawa kepada masalah jenayah yang lebih besar. Dari segi ekonomi, warga asing yang bekerja di ladang mendapat kesemua kemudahan dan faedah yang dijanjikan oleh syarikat, manakala penduduk tempatan masih lagi menjalankan kerja-kerja kampung dan lebih parah, menganggur. Menurut Datuk Chor Chee Heung, Timbalan Menteri Dalam Negeri, hampir 40 peratus atau 14,809 banduan yang menjalani hukuman di penjara di seluruh negara kini terdiri daripada warga asing dimana jumlah ini melebihi 28 peratus daripada kapasiti banduan warga asing yang sepatutnya ditampung semua penjara di negara ini (Utusan Malaysia, 2008).

Oleh kerana sektor perladangan sawit masih berorentasikan tenaga buruh, syarikat memerlukan tenaga kerja tempatan bagi menggantikan tenaga buruh asing. Langkah proaktif perlu diambil memandangkan pembukaan ladang sawit secara besar-besaran di Kalimantan, Indonesia.

1.2 Permasalahan Kajian

Pekerjaan dalam sektor perladangan sawit Malaysia kini dimonopoli oleh pekerja asing. Kebergantungan kepada tenaga kerja asing dalam sektor komoditi utama ini perlu dikurangkan disebabkan oleh beberapa faktor. Pihak syarikat perlu mengambil inisiatif untuk menggantikan tenaga kerja asing ini kepada tenaga kerja tempatan. Fokus utama kajian ini dijalankan adalah untuk mencari jalan penyelesaian bagaimana untuk menarik minat penduduk tempatan untuk bekerja di ladang sawit supaya dapat mengurangkan dan mengatasi masalah kekurangan buruh di samping mencari kaedah bagaimana mengurangkan kebergantungan terhadap tenaga buruh asing di Malaysia.

1.3 Objektif Kajian

Pada umumnya, tujuan kajian ini adalah untuk merungkai persoalan bagaimana syarikat perladangan sawit boleh menggalakkan penduduk tempatan untuk bekerja sebagai pekerja ladang bagi meningkatkan nilai sosio ekonomi masyarakat setempat. Secara spesifiknya penyelidikan ini mempunyai beberapa objektif yang ingin dicapai, antaranya seperti berikut:

- i. Mengenal pasti mengapa penduduk tempatan kurang berminat untuk bekerja di ladang sawit.
- ii. Membuat perbandingan perbezaan perbelanjaan menggaji pekerja asing dan pekerja tempatan.
- iii. Mencari kaedah bagaimana mengurangkan kebergantungan kepada tenaga buruh asing di Malaysia.

1.4 Kepentingan Kajian

Sektor perladangan amat bergantung kepada tenaga kerja buruh. Keperluan buruh yang mencukupi akan memastikan operasi di ladang dapat disiapkan mengikut jadual bagi memenuhi kehendak industri sawit Malaysia. Dengan adanya tenaga kerja yang mencukupi, pengeluaran hasil dapat ditingkatkan ke tahap optimum. Namun, oleh kerana beberapa faktor, penduduk tempatan tidak berminat untuk bekerja di sektor perladangan. Keperluan guna tenaga yang tinggi menyebabkan industri sawit menggaji pekerja asing. Namun kini, pengambilan pekerja asing menjadi satu masalah kepada industri. Industri sawit Malaysia menjadi terlalu bergantung kepada pekerja asing. Bagi melestarikan perkembangan industri sawit Malaysia, masalah ini perlu diselesaikan.

Oleh kerana itu, syarikat perlu memberi penumpuan bagi mencari alternatif bagi mengurangkan penggantungan terhadap pekerja asing. Selain alternatif melalui aplikasi teknologi mekanisasi ladang secara menyeluruh, kaedah lain perlu dikaji bagi mengatasi masalah kekurangan buruh. Kajian ini ingin membuktikan kaedah menggaji pekerja

tempatan adalah salah satu jalan penyelesaian bagi menampung keperluan tenaga kerja ladang dengan mencari kaedah bagi menarik minat penduduk tempatan untuk bekerja dalam industri sawit Malaysia. Menarik minat dan menggaji pekerja tempatan di sektor perladangan sawit adalah penting agar industri ini tidak terkubur seperti yang berlaku dalam sektor perladangan getah.

Penggalakkan kepada penduduk setempat dan warganegara untuk bekerja di ladang sawit milik syarikat pastinya dapat meningkatkan ekonomi disamping dapat tinggal dalam komoditi yang tersendiri. Syarikat pastinya dapat meningkatkan nilai sosio ekonomi penduduk tempatan yang bekerja di ladang. Segala faedah dan kemudahan yang diperlukan oleh pekerja seperti gaji asas yang tinggi, rumah, bekalan air dan elektrik, elaun, caruman KWSP, faedah perubatan, bantuan persekolahan, insuran dan lain-lain seharusnya diberikan kepada pekerja warga tempatan.

BAB 2

ULASAN PERPUSTAKAAN

2.1 Pendahuluan

Dalam Bab ini, pengkaji akan menjelaskan definisi-definisi tertentu yang akan digunakan oleh pengkaji sesuai dengan masalah yang sedang dikaji. Selain itu pengkaji juga akan membuat perkaitan antara masalah yang sedang dikaji dengan kajian masalah yang serupa oleh pengkaji-pengkaji masa lalu.

2.2 Sejarah Tawau,Sabah

Tawau merupakan jajahan Kesultanan Sulu yang diserahkan kepada pihak Inggeris melalui perjanjian yang ditandatangani pada 22.1.1878. Mengikut catatan The North Borneo Annual Volume (1955-1965) menyatakan sistem pentadbiran bermula pada tahun 1898, apabila pihak Syarikat (Berpiagam) Borneo Utara membuka sebuah penempatan di Tawau dan seterusnya mengadakan asas-asas Pentadbiran Kerajaan Tempatan di situ. Oleh kerana Tawau berkongsi sempadan dengan Indonesia, pihak pemerintahan Inggeris telah mengambil langkah-langkah untuk menetapkan sempadan agar tiada perselisihan faham dengan kekuasaan Belanda yang memerintah Indonesia pada masa itu.

Suruhanjaya Sempadan telah ditubuhkan pada tahun 1912 yang terdiri daripada pegawai-pegawai dari United Kingdom dan Belanda. Sebuah laporan bersama beserta peta telah disediakan oleh Suruhanjaya Sempadan tersebut dan ditandatangani oleh Pesuruhjaya masing-masing di Tawau pada 17 Februari 1913 (Majlis Perbandaran Tawau, 2009).



Daerah Tawau menjadi sebahagian daripada Malaysia apabila Sabah dan Sarawak memasuki Malaysia pada 16 September 1963. Tawau mempunyai 10 mukim dan 81 kampung yang terhimpun dalam dua kawasan Parlimen dan enam Dewan Undangan Negeri (DUN). Parlimen Tawau mengandungi DUN Sri Tanjung, Apas dan Balung manakala Parlimen Kalabakan Mengandungi DUN Merotai, Tanjung Batu dan Sebatik (Majlis Perbandaran Tawau, 2009).

2.3 Kependudukan di Tawau

Daerah Tawau yang bermula daripada sebuah perkampungan nelayan dengan hanya kira-kira 200 orang penghuni dalam tahun 1892 dan dalam tahun 1931 jumlah tersebut menjadi 1,840 orang. Jumlah ini meningkat lagi menjadi 4,282 orang dalam tahun 1951, dalam tahun 1991 ia meningkat ke paras yang lebih tinggi lagi iaitu 244,756 orang dan dalam tahun 1997 ia meningkat ke paras yang lebih tinggi lagi iaitu 400,200 orang. Pada tahun 2007, jumlah keseluruhan penduduk di Sabah adalah seramai 3,387,880 orang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2008).

Jadual 2.1: Populasi Penduduk Berdasarkan Umur dan Jantina di Sabah, 2009

Umur	Perempuan	Lelaki	Jumlah
15-19	36720	39816	76536
20-24	34310	37234	71544
25-29	33466	40123	73589
30-34	37056	46315	83371
35-39	34715	42693	77408
40-44	27820	33340	61160
45-49	21663	25960	47623
50-54	12648	17820	30468
	238398	283301	521699

Sumber: Jabatan Tenaga Kerja Sabah 2009

Jadual 2.1 menyatakan populasi penduduk perempuan di Sabah pada tahun 2009 adalah 238,398 orang, lelaki 283,301 orang dan jumlah keseluruhan penduduk di Sabah pada tahun 2009 adalah 521,699 orang.

Penghijrahan pekerja-pekerja luar yang datangnya dari negara jiran Indonesia dan Filipina adalah merupakan faktor utama menyebabkan kepesatan pertumbuhan penduduk daerah Tawau. Penduduk daerah Tawau adalah terdiri daripada berbagai suku bangsa seperti Melayu, Bajau, Cina, Bugis, Tidung, Suluk,

Jawa, Timor, Iban, Buton, Toraja, Kadazan, Banjar, Bisaya, Indonesia, India, Pakistan, Arab, Murut, Orang Sungai dan sebagainya (Majlis Perbandaran Tawau, 2009).

2.4 Sejarah Kedatangan Migran ke Sabah

Migran merupakan semua warganegara asing yang masuk ke Malaysia samada menerusi saluran yang sah atau tidak. Migran juga dikenali sebagai Pendatang Luar Negeri. Menurut Pasukan Petugas Khas, Pendatang Luar Negeri di Sabah adalah Pendatang Tanpa Izin, Buruh Asing dan Pelarian.

Migran boleh diklasifikasikan kepada migran yang sukarela atau migran paksaan. Dalam laporan IOM *United Nations World Migration* menyebut migran sukarela adalah individu yang berhijrah ke luar negara untuk belajar, bekerja, pertemuan keluarga dan faktor-faktor peribadi yang lain. Migran paksaan adalah individu yang terpaksa meninggalkan negara asal atas sebab lari dari penyeksaan, konflik, penindasan, bencara alam atau perbuatan manusia, masalah ekologi, atau masalah-masalah lain yang membahayakan hidup, kebebasan dan gaya hidup mereka (IOM: United Nations 2000 dalam Wickramasekara, 2000).

Penghijrahan dan kemasukan pekerja asing ke Sabah yang dulunya dikenali sebagai Borneo Utara bermula semenjak zaman Kolonial lagi. Pentadbiran British ketika itu telah mengimport pekerja asing terawal dari Kwang Dong, China pada tahun 1882. Pekerja asing dari Etnik Hakka yang kebanyakannya beragama Kristian diambil bekerja di ladang getah dan dalam bidang pembinaan. Kolonial British menghentikan pengambilan pekerja dari China apabila kerajaan Komunis terbentuk di China. Dalam tahun 1950 pekerja dari Kepulauan Cocos, Timor dan Sulawesi dibawa masuk ke Sabah untuk bekerja di sektor perladangan dan pembinaan.

Semasa Perang Dunia Kedua dan krisis ekonomi 1939 – 1945 menyebabkan kurangnya penghijrahan orang Indonesia ke Tanah Melayu. Semasa kemerdekaan pada 1957, sebanyak 346,800 orang Indonesia berada di Tanah Melayu, mereka kemudiannya dikelaskan sebagai Melayu dan terus menetap di Malaysia. Selepas kemerdekaan Malaysia, penghijrahan warga asing ke Malaysia telah dikawal melalui undang-undang imigresen (Ahm Zehadul, 1999).

RUJUKAN

- Abd. Hair Awang. 2009. Impak Globalisasi Ekonomi Terhadap Pembangunan Sumber Manusia. Sorotan Kajian Lalu. Dalam Dzurizah Ibrahim, Balakrishnan Parasuraman dan Rosazman Hussin, *Hubungan Industri dan Sumber Manusia 'Isu dan Perspektif*. Sekolah Sains Sosial. Universiti Malaysia Sabah. Kota Kinabalu
- Ahm Zehadul Karim, Mohd Asri Abdullah dan Mohd Isa Hj. Bakar. 1999. Foreign Workers In *Malaysia Issues and Implication*. Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd. Kuala Lumpur
- Arabaya Binti Lasailing. 2006. *Penggunaan Buruh Asing: Satu Kajian Kes di FELDA Umas, Tawau, Sabah*. Sekolah Sains Sosial. Universiti Malaysia Sabah. Kota Kinabalu
- Berita Harian. 2009. *300,000 Warga Asing Bekerja di Sektor Perladangan*. Berita Harian, 3 Julai
- Berita Harian. 2009. *Laporan Ekonomi: Sumbangan Pertanian Kekal Stabil*. Berita Harian, 15 Mac
- Berita Minggu. 2009. *Bil Hospital Warga Asing RM 12.8 Juta*. Berita Minggu, 21 Jun
- Boon, Y. C. 2004. Immigrant Workers in Sabah:Perspective of The Federation of Sabah Manufacturers (FSM). Dalam 'Proceeding of Seminar On:*Public Responses to Foreign Workers in Sabah*'. Unit Penyelidikan Etnografi dan Pembangunan, Sekolah Sains Sosial. Universiti Malaysia Sabah. Kota Kinabalu
- Daud Amatzin. 2004. Migrant Workers and the Plantation Sector. Dalam 'Proceeding of Seminar On:*Public Responses to Foreign Workers in Sabah*'. Unit Penyelidikan Etnografi dan Pembangunan, Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu
- Dayang Suria Hj. Mulia. 2000. Pekerja Asing di Sabah: Isu dan Perspektif. Dalam Dzurizah Ibrahim, Balakrishnan Parasuraman dan Rosazman Hussin, *Hubungan Industri dan Sumber Manusia 'Isu dan Perspektif*. Sekolah Sains Sosial. Universiti Malaysia Sabah. Kota Kinabalu
- Dzurizah Ibrahim, Balakrishnan Parasuraman dan Rosazman Hussin. 2009. Hubungan Industri dan Sumber Manusia Dalam Sains Sosial:Satu Pengenalan. Dalam Dzurizah Ibrahim, Balakrishnan Parasuraman dan Rosazman Hussin, *Hubungan Industri dan Sumber Manusia 'Isu dan Perspektif*. Sekolah Sains Sosial. Universiti Malaysia Sabah. Kota Kinabalu

- FELDA. 2009. Pengenalan Latar Belakang FELDA
<http://www.felda.net.my>. Mendapat data 12 Jun 2009. Disahkan pada 12 Ogos 2009
- FELDA Plantations Sdn Bhd. 2008. Program Penggalakan Pekerja Tempatan Disektor Perladangan
- Indonesian Country Report. 2000. Dalam Wickramaseka Piyasiri, *Asian Labour Migration: Issues and Challenges in an Era of Globalization*. International Labour Office. Geneva
- Jabatan Imigresen Malaysia. 2006. Buku Perangkaan Perburuhan
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2007. Buku Perangkaan Perburuhan
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2008. Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh Separuh Tahun Pertama 2008
- Jabatan Perdana Menteri. 2008. Laporan Ucapan Dewan Negara Parlimen keDuaBelas Penggal Pertama Mesyuarat KeDua Bil. 9
- Jabatan Statistik Malaysia. 2009. Jadual Jumlah Pekerjaan, Tenaga Buruh dan Kadar Pengangguran 1970-2015
- Jabatan Tenaga Kerja Sabah. 2009. Ordinan Buruh Sabah bab 67 *Labour Ordinance (Sabah CAP.67)*
- Kamus Dwibahasa Oxford Fajar.2006.Oxford Fajar Sdn. Bhd. Selangor
- Kementerian Sumber Manusia. 2009. Statistik Perburuhan dan Sumber Manusia Majlis Perbandaran Tawau. 2009. Sejarah Tawau
- Khoo Khee Ming and D. Chandramohan. 2002. Malaysia Palm Oil Industry at Crossroads and Its Future Direction. *Oil Palm Industry Economic Journal* volume 2(2):13
- Lay Yoon Fah. Khoo Chwee Hoon. 2008. *Pengenalan kepada Analisis Statistik dalam Penyelidikan Sains Sosial* Siri 1. Selangor: Venton Publishing (M) Sdn. Bhd.
- Majlis Perbandaran Tawau. 2009. Sejarah Tawau
<http://www.mpt.sabah.gov.my/Sejarah%20Tawau.html>. Mendapat data pada 4 Jun 2009. Disahkan pada 12 Ogos 2009
- Marja Azlina Omar. 2004. Migrasi Pekerja Asing Indonesia dan Implikasinya ke Atas Hubungan Dua Hala Malaysia-Indonesia. Dalam 'Respon Pemerintah dan Rakyat Terhadap Pendatang dan Pekerja Asing di Sabah'. Unit Penyelidikan Etnografi dan Pembangunan, Sekolah Sains Sosial. Universiti Malaysia Sabah. Kota Kinabalu

- McLeod, John. 1997. *Melaksanakan Penyelidikan Kaunseling* / John McLeod; Penterjemahan Issham Ismail, Wan Mahzon Ahmad Shah. Universiti Teknologi Malaysia. Skudai
- Mohammad Amizi Ayob, Balakrishnan Parasuraman and Balan Rathakrishnan. 2009. Non Dependence of Foreign Labor In The Plantation Industry: Sabah Perspectives. In *Proceeding of The 2nd Human Resource Economics Seminar 2009*. Universiti Malaysia Sabah
- MPOB. 2009. Summary on the Performance of Malaysian Oil Palm Industry 2008 <http://econ.mpopb.gov.my/economy/Performance-130109.htm>. Mendapat data pada 4 Jun 2009. Disahkan pada 12 Ogos 2009
- MPOB. 2008. Jadual Perbezaan Bayaran Antara Pekerja Sektor Awam dan Swasta juga Pekerja Ladang
- MPOB. 2008. *Malaysian Oil Palm Statistics 2007*
- Nur Diyana Binti MD Dali. 2008. *Proses Pembinaan Model*. Sekolah Sains dan Teknologi. Universiti Malaysia Sabah. Kota Kinabalu
- Pejabat Umas 6. 2008. Salinan Peta Kawasan Gugusan FELDA Umas
- Pg. Abdul Halim Pg. Rambang. 2004. Pengambilan Tenaga Kerja Asing:Pengalaman Agensi Pekerjaan Negeri Sabah. Dalam '*Proceeding of Seminar On:Public Responses to Foreign Workers in Sabah*'. Unit Penyelidikan Etnografi dan Pembangunan, Sekolah Sains Sosial. Universiti Malaysia Sabah. Kota Kinabalu
- Sulin Eban @ Suelyn. 2004. *Factors Influencing Job Withdrawal Intention among Employees of Public and Private Sectors*. Sekolah Perniagaan dan Ekonomi. Universiti Malaysia Sabah. Kota Kinabalu
- The Star. 1992. *Loyalty is The Key to Business Success*. The Star,30 Ogos
- The Star. 2006. *Stay Loyal to Companies That Train You*. The Star,5 Mac
- UNESCO. 2009. Migration issues in the Asia Pacific; Issues Paper From Malaysia.2009. www.unesco.org/shs/most. Mendapat data pada 16 Julai 2009. Disahkan pada 12 ogos 2009
- Utusan Malaysia. 2008. *40% Banduan Warga Asing*. Utusan Malaysia, 3 Julai
- Wickramaseka Piyasiri. 2000. Asian Labour. Migration:Issues and Challenges in an Era of Globalization.Dalam '*International Migration Paper*', International Labour Office. Geneva

Winarsih Binti Trimo. 2003. *Tenaga Kerja Indonesia (TKI) di Sabah: Sejarah Kemasukan, Peranan dan Perkembangan (1990-2002)*. Universiti Malaysia Sabah. Kota Kinabalu

Yusof Basiron and Ahmad Hitam. 1998. Role of Mechanization in the Oil Palm Industry. In *Proceeding of The National Seminar on Mechanization in Oil Palm Plantation 'Toward Improving Productivity Through Mechanization'*. PORIM. Bangi. Selangor

Zulkifly Osman dan Mohd Azlan Shah Zaidi. 2002. Cabaran Globalisasi:Strategi Ekonomi Upah Tinggi. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 36:3-17